

**KAJIAN PERBANDINGAN DARI ASPEK PROGRAM DI
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) DAN
AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM): SATU KAJIAN KES**

NOR FATHIMAH BINTI FATHIL

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

MAC 2004

Untuk abah, mak, kakak sekeluarga, abang, adik dan keluarga saudara mara terdekat yang sentiasa mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan Imah di mana jua berada.....



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Ghazally Bin Spahat selaku pensyarah pembimbing bagi kajian ini. Tidak lupa juga kepada Tuan Haji Salleh Bin Tahar selaku penilai dan Dr. Noraini Bt. Kaprawi selaku ketua panel kepada kajian yang saya laksanakan ini.

Terima kasih juga kepada kesemua pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan di KUiTTHO yang telah sudi membantu saya untuk melaksanakan kajian ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Pengarah-Pengarah di Institut Latihan Perindustrian, Ipoh dan Akademi Binaan Malaysia, Wilayah Selatan, Johor Baharu yang telah memberi kerjasama yang baik kepada saya ketika kajian ini dilaksanakan.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menjalankan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian kes ini bertujuan untuk melakukan perbandingan program di Institut Latihan Perindustrian, Ipoh dan Akademi Binaan Malaysia, Wilayah Selatan, Johor Baharu. Empat aspek yang diambil kira untuk membuat perbandingan tersebut ialah kursus-kursus yang ditawarkan, syarat-syarat permohonan kemasukan, kelayakan-kelayakan tenaga pengajar serta bentuk persijilan dan pentauliahannya. Sampel bagi kajian ini ialah staf pengurusan di ILP dan ABM. Data-data dikumpul menggunakan kaedah temubual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan bagi bagi keempat-empat aspek tadi. Dapatan kajian juga menunjukkan ABM didapati mempunyai sedikit kelebihan kerana ia lebih memfokuskan kepada industri pembinaan.



PTPTM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

ABSTRACT

The purpose of this case study is to comprise of the programs at Institut Latihan Perindustrian, Ipoh and Akademi Binaan Malaysia, Southern Region, Johor Baharu. Four aspects are being used to compare the programs was offered, entry prerequisites, qualification of lecturers and certification and accreditation. The samples of this case study are the management staff of ILP and ABM. Data was collected and using interviews. The finding shows similarities and differences four aspects used in all between ILP and ABM. The findings also show that ABM has an advantage because it focuses on the construction industry.



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN NAMA	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	5

1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	7
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	8

BAB II SOROTAN PENULISAN 9

2.0	Pengenalan	9
2.1	Kajian-Kajian Lepas	9
2.1.1	Kajian Perbandingan Antarabangsa	10
2.1.2	Perbandingan Antarabangsa Latihan Dan Pendidikan Vokasional Untuk Kemahiran Pertengahan	11
2.1.3	Pembentukan Semula Latihan Dan Pendidikan Teknikal Di Great Britain : Perbandingan Pembelajaran Institusi Di Eropah	12
2.2	Aspek Program Pendidikan Teknik Dan Vokasional	12
2.2.1	Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di Institusi Latihan	13
2.2.2	Syarat-Syarat Permohonan Kemasukan Institusi Latihan	13
2.2.3	Kelayakan-Kelayakan Tenaga Pengajar Di Institusi Latihan	15
2.2.4	Bentuk Persijilan Dan Pentauliahan Di Di Institusi Latihan	15
2.3	Institusi-Institusi Latihan Di Malaysia	16
2.3.1	Institut Latihan Perindustrian	16
2.3.2	Akademi Binaan Malaysia	24

2.4	Badan-Badan Pentauliahan Institusi Latihan Di Malaysia	27
2.4.1	Jabatan Tenaga Manusia, Kemeterian Sumber Manusia (JTM)	27
2.4.2	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	34
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	37
3.0	Pengenalan	37
3.1	Rekabentuk Kajian	37
3.2	Sumber Data	38
3.3	Sampel Kajian	39
3.4	Tempat Kajian	40
3.5	Instrumen Kajian	40
3.6	Pengumpulan Data	42
3.7	Prosedur Kajian	44
3.8	Analisis Data	46
3.9	Andaian Kajian	47
BAB IV	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	48
4.0	Pengenalan	48
4.1	Analisis Perbandingan Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di ILP Dan ABM	49
4.1.1	Analisis Perbezaan	49
4.1.2	Analisis Persamaan	53
4.2	Analisis Perbandingan Syarat-Syarat Permohonan Kemasukan Ke ILP Dan ABM	54

4.2.1	Analisis Perbezaan	54
4.2.2	Analisis Persamaan	55
4.3	Analisis Perbandingan Kelayakan Tenaga-Tenaga Pengajar Di ILP Dan ABM	56
4.3.1	Analisis Perbezaan	57
4.3.2	Analisis Persamaan	58
4.4	Analisis Perbandingan Bentuk Persijilan Dan Pentauliahan Di ILP Dan ABM	59
4.4.1	Analisis Perbezaan	59
4.4.2	Analisis Persamaan	60

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 61

5.0	Pengenalan	61
5.1	Perbincangan	62
5.1.1	Perbezaan Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di ILP Dan ABM	62
5.1.2	Persamaan Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di ILP Dan ABM	76
5.1.3	Perbezaan Syarat-Syarat Permohonan Kemasukan Ke ILP Dan ABM	77
5.1.4	Persamaan Syarat-Syarat Permohonan Kemasukan Ke ILP Dan ABM	81
5.1.5	Perbezaan Kelayakan Tenaga-Tenaga Pengajar Di ILP Dan ABM	82
5.1.6	Persamaan Kelayakan Tenaga-Tenaga Pengajar Di ILP Dan ABM	86
5.1.7	Perbezaan Bentuk Persijilan Dan Pentauliahan Di ILP Dan ABM	87



PTT AL-ITIM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

5.1.8	Persamaan Bentuk Persijilan Dan Pentauliahan Di ILP Dan ABM	89
5.2	Kesimpulan	91
5.3	Cadangan	93

RUJUKAN	94
----------------	-----------

LAMPIRAN

Surat Permohonan Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian Akademik	
Set Soalan Temubual	97
Analisis Temubual	100



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 4.1	Analisis Perbezaan Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di ABM Dan ILP	50
Jadual 4.2	Analisis Persamaan Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di ABM Dan ILP	53
Jadual 4.3	Analisis Perbezaan Syarat-Syarat Permohonan Kemasukan Ke ABM Dan ILP	54
Jadual 4.4	Analisis Persamaan Syarat-Syarat Permohonan Kemasukan Ke ABM Dan ILP	56
Jadual 4.5	Analisis Perbezaan Kelayakan Tenaga Pengajar Di ABM Dan ILP	57
Jadual 4.6	Analisis Persamaan Kelayakan Tenaga Pengajar ABM Dan ILP	58
Jadual 4.7	Analisis Perbezaan Bentuk Persijilan Dan Pentauliahan Di ABM Dan ILP	59
Jadual 4.8	Analisis Persamaan Bentuk Persijilan Dan Pentauliahan Di ABM Dan ILP	60

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Carta Organisasi ILP Ipoh	20
Rajah 3.1	Carta Alir Proses Pelaksanaan Kajian	45



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN NAMA

ABM	Akademi Binaan Malaysia
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
CIAST	Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan
CIDB	Construction Industry Development Board (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)
DACUM	Pembangunan Kurikulum
GMI	German Malaysia Institute
ILP	Institut Latihan Perindustrian
JMTI	Institusi Teknikal Jepun Malaysia
JTM	Jabatan Tenaga Manusia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
MPSM	Majlis Pembangunan Sumber Manusia

NOSS	Piawaian Kebangsaan Mengenai Kemahiran Pekerja
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
VET	Vocational Education and Training (Pendidikan Teknik dan Vokasional)



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Permohonan Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian Akademik	
B	Set Soalan Temubual	97
C	Analisis Temubual	100



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000) menyatakan kepesatan pembangunan ekonomi dan perindustrian memerlukan kemahiran dan etika kerja yang baru di kalangan belia. Belia yang menamatkan pengajian mereka di peringkat menengah tinggi akan diberi latihan kemahiran untuk membolehkan mereka memperolehi pekerjaan pada masa hadapan. Program berkaitan dengan kemahiran akan diperluas untuk memberi peluang kepada kumpulan belia yang tercicir dan mempunyai kelayakan akademik yang rendah bagi membantu mereka menjadi lebih produktif dari segi ekonomi.

Penyediaan latihan kemahiran seharusnya dijadikan sebahagian daripada tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan tidak menjadikannya sebagai suatu peluang untuk mengaut keuntungan semata-mata, selain daripada untuk memenuhi

perubahan struktur industri negara daripada yang berintensifkan buruh kepada yang berintensifkan modal (Rancangan Malaysia Ke Tujuh, 1996-2000).

1.1 Latar Belakang Masalah

Pendidikan Teknik dan Vokasional (VET) merupakan salah satu program yang penting bagi pembangunan sumber manusia khususnya bagi melahirkan pekerja mahir dan separuh mahir. Tenaga kerja yang berkemahiran, cekap dan berpengetahuan merupakan prasyarat ke arah mencapai matlamat utama negara untuk muncul sebagai salah sebuah negara maju di abad ini. Pendidikan dan latihan vokasional juga merupakan suatu pendidikan dan latihan untuk bekerja. Ia wujud untuk membangunkan dan memperkenalkan kemahiran atau kecekapan pelajar.

Melahirkan sumber tenaga manusia yang berkebolehan, bermotivasi tinggi, cekap dan produktif adalah penting bagi meningkatkan kadar produktiviti negara. Semestinya tenaga manusia yang diperlukan di dalam negara industri tentulah tenaga manusia yang cekap dan profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat dan ilmu serta dapat membuat penyesuaian dengan cepat. Untuk tujuan ini, usaha harus dipergiatkan bagi menambah kapasiti institusi pendidikan dan latihan dengan memberi penekanan yang lebih mendalam bagi meningkatkan penawaran tenaga manusia.

Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap penyediaan tenaga mahir supaya mampu berhadapan dengan cabaran era kemajuan. Berdasarkan Belanjawan 2001, peruntukan sejumlah RM1.2 bilion disediakan untuk membina 14

buah Institut Latihan Perindustrian dan empat buah Pusat Latihan Kemahiran Teknologi Tinggi serta mengisi Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran. Pusat-pusat latihan ini dapat menampung seramai 17 ribu pelatih setahun bermula dari tahun 2001. Manakala Tabung yang disediakan pada tahun 2001 dengan peruntukan sebanyak RM140 juta mampu membiayai 16,000 pelatih.

Kehidupan global yang berasaskan ilmu pengetahuan dalam dunia tanpa sempadan dan keperluan industri yang berteraskan k-ekonomi, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, memerlukan setiap pelatih melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran (Latif Ahmad, 2002). Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000), tumpuan yang lebih diberikan kepada pembangunan golongan belia yang berdaya tahan serta dapat menyumbang secara positif kepada pembinaan negara dan mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran dalam proses negara menuju ke arah pembangunan perindustrian yang pesat. Bagi menggalakkan penyertaan aktif belia dalam pembinaan negara, peluang pendidikan dan latihan akan terus diperluaskan.

Usul Mengenai Rancangan Malaysia Ke Lapan (2001-2005) yang dibentangkan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 April 2001, menggesa pekerja di semua peringkat dan sektor supaya menggembleng usaha dan tenaga, sama ada secara individu atau kumpulan, untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan mereka. Peningkatan ini akan menyumbang kepada keupayaan negara untuk mengekalkan pertumbuhan yang tinggi dan memastikan keluaran Malaysia dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Pendidikan Teknik dan Vokasional juga memberi tumpuan kepada usaha memupuk daya cipta dan kemahiran kognitif untuk melahirkan tenaga manusia yang tinggi pengetahuan, mempunyai pelbagai kemahiran dan serba boleh di samping rajin

belajar secara berterusan serta mempunyai kecekapan usahawan teknologi. Selaras dengan amalan dan dasar pendidikan serta latihan yang lebih liberal, sektor swasta akan terus berperanan sebagai penyedia utama pendidikan dan latihan (Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000).

1.2 Pernyataan Masalah.

Sebahagian besar bekalan tenaga manusia mahir dan separuh mahir adalah daripada institut latihan vokasional dan teknikal awam. Jumlah keluaran institusi latihan awam dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000) ialah seramai 115,540 orang berbanding dengan sasaran terbaru iaitu seramai 105,610 orang. Keluaran dari institusi latihan swasta telah meningkat daripada 3,300 orang pada tahun 1990 kepada 8,300 orang pada tahun 1995 dengan jumlah keluaran seramai 31,970 orang dalam tempoh tersebut.

Gunatenaga dalam sektor pembinaan telah berkembang pada kadar purata 9.2 peratus setahun dan merupakan 19 peratus daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan. Pertumbuhan pesat aktiviti pembuatan terutamanya keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi, telah meningkatkan permintaan bagi pekerja mahir dan separuh mahir. Dalam tempoh 1991-1995, kira-kira 149,580 tenaga manusia mahir dan separuh mahir telah dikeluarkan oleh institusi pendidikan dan latihan awam dan swasta (Rancangan Malaysia Ke Tujuh, 1996-2000).

Proses pembangunan ekonomi sesebuah negara berkait rapat dengan pembangunan sumber manusia yang mampu dilaksanakan negara tersebut. Kepadatan

pembangunan ekonomi dan perindustrian memerlukan kemahiran dan etika kerja yang baru di kalangan belia. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000), tumpuan yang lebih diberikan kepada pembangunan golongan belia yang berdaya tahan serta dapat menyumbang secara positif kepada pembinaan negara dan mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran dalam proses negara menuju ke arah pembangunan perindustrian yang pesat.

Dengan itu, penyelidik mendapati terdapat banyak institusi latihan di negara kita yang menjalankan kursus latihan kemahiran di mana fungsi institusi latihan, kumpulan sasaran dan kurikulumnya kelihatan hampir sama serta banyaknya agensi yang berbeza *stakeholder* yang mengendalikan program pembangunan sumber manusia. Sehubungan itu, penyelidik ingin mengkaji bahawa wujudnya pelbagai persamaan dan perbezaan dari aspek kursus-kursus yang ditawarkan, syarat-syarat permohonan kemasukan, kelayakan-kelayakan tenaga pengajar serta bentuk persijilan dan pentauliahannya di institusi latihan awam dan institusi latihan swasta seperti di Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan di Akademi Binaan Malaysia (ABM).

1.3 Objektif Kajian.

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk menyelidiki perbandingan mengenai aspek-aspek berikut:

- i. Perbandingan kursus-kursus yang ditawarkan di ILP dan ABM.
- ii. Perbandingan syarat-syarat permohonan kemasukan ke ILP dan ABM.

- iii. Perbandingan kelayakan-kelayakan tenaga pengajar di ILP dan ABM.
- iv. Perbandingan bentuk persijilan dan pentauliahan di ILP dan ABM.

1.4 Persoalan Kajian.

Bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidik telah menetapkan beberapa persoalan kajian yang menjadi panduan kepada pelaksanaan kajian ini iaitu:

- i. Apakah perbandingan kursus-kursus yang ditawarkan di antara ILP dan ABM?
- ii. Apakah perbandingan syarat-syarat permohonan kemasukan pelatih di antara ILP dan ABM?
- iii. Apakah perbandingan kelayakan-kelayakan tenaga pengajar di antara ILP dan ABM?
- iv. Apakah perbandingan bentuk persijilan dan pentauliahan di antara ILP dan ABM?

1.5 Kepentingan Kajian

Dalam Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000) dan Belanjawan 2001 telah menetapkan pembinaan beberapa buah lagi institusi latihan industri di Malaysia, di mana institusi-institusi latihan industri tersebut terletak di bawah pelbagai kementerian seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa terdapat kepentingan untuk penyelidik mengkaji tentang wujudnya pelbagai persamaan dan perbezaan dari aspek program yang terdapat di institusi-institusi latihan tersebut.

Hasil kajian ini nanti diharapkan penyelidik dapat melihat bagaimana kedua-dua sektor yang melaksanakan pendidikan dan latihan kemahiran berbeza di antara satu sama lain serta bagaimana institusi latihan swasta melengkapkan kemahiran dan latihan untuk pelatih-pelatihnya. Selain itu, penyelidik dapat memahami keunikan institusi-institusi latihan di Malaysia yang menyumbang kepada kekuatan dan kelemahan sesuatu program yang dilaksanakan.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini difokuskan kepada institusi latihan awam dan swasta di Malaysia iaitu Institut Latihan Perindustrian dan Akademi Binaan Malaysia. Kajian ini hanya menyelidiki perbandingan program di ILP, Ipoh dan ABM, Wilayah Selatan, Johor Baharu. Program yang diselidiki meliputi kursus-kursus yang ditawarkan, syarat-syarat permohonan kemasukan, kelayakan-kelayakan tenaga pengajar serta bentuk persijilan dan pentauliahannya institusi latihan tersebut. Persoalan kajian ini dikemukakan kepada

Pengarah ILP dan Pengarah ABM kerana kedua-dua pihak ini mempunyai banyak maklumat berkenaan dengan pelaksanaan latihan kemahiran di institusi latihan masing-masing.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada program yang dilaksanakan di ILP dan ABM. Penyelidik melaksanakan kajian ini terhadap dua buah institusi latihan sahaja dan dengan itu, keputusan kajian terbatas serta tidak boleh digunakan untuk menerangkan bahawa keadaan yang sama wujud di semua institusi latihan lain di Malaysia. Aspek-aspek yang dikaji adalah untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan kursus-kursus yang ditawarkan, syarat-syarat permohonan kemasukan, kelayakan tenaga pengajar serta bentuk persijilan dan pentauliahannya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.0 Pengenalan

Bahagian ini menjelaskan kajian-kajian lepas berkenaan kajian perbandingan dalam kajian kes.

2.1 Kajian-Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas yang diperolehi ini merupakan kajian-kajian kes dalam analisis perbandingan.

RUJUKAN

Bill Weldon (2002). "Research Seminar: Part One-Qualitative Research." Charles Universiti: Prague. Dicapai pada 9 Januari 2004 melalui <http://www.nvgc.vt.edu/mlichtman/qual2001/5web.html>

Daim Zainuddin (2000). "Ucapan Belanjawan Tahun 2001 Oleh Y.B. Tun Daim Zainuddin Menteri Kewangan Malaysia Ketika Membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan (2001) Di Dewan Rakyat Pada 27 Oktober 2000."

Fong Chan Onn (2000). "Ucapan Y.B. Menteri Sumber Manusia Sempena Majlis Penyampaian Sijil Perantisan Mekatronik Dan Lawatan Ke Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor." Dicapai pada 25 Oktober 2003 melalui http://www.hrdnet.com.my/ucapanmenteri25_0300.html

Fong Chan Onn (2002). "Ucapan Y.B. Datuk Fong Chan Onn, Menteri Sumber Manusia Malaysia Sempena Lawatan Ke Sime Tyres International, Alor Setar." Dicapai pada 25 Oktober 2003 melalui <http://www1.jaring.my/ksm/bmver/spm76.htm>

Fong Chan Onn (2002). "Ucapan Y.B. Datuk Fong Chan Onn, Menteri Sumber Manusia Malaysia, Perasmian Persidangan Pusat Bertauliah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) Di PWTC Kuala Lumpur." Dicapai pada 25 Oktober melalui <http://www.jaring.my/ksm/spm233.htm>

- Hong Tan & Indermit Gill (). "Constraints And Innovations In Reform Of VET." Bank-ILO Study. Dicapai pada 26 Disember 2003 melalui <http://www.worldbank.org>
- Kerajaan Malaysia (1996). "Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000): Bab 21 Belia Dalam Pembangunan." Dicapai 23 Disember 2003 melalui <http://www.ids.org.my/>
- Kerajaan Malaysia (1991). "Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000): Bab 6 Pembangunan Sumber Manusia." Dicapai pada 2 September 2003 melalui <http://www.smpke.jpm.my/RancanganWeb/Rancangan.nsf/0/>
- Kerajaan Malaysia (1996). "Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000): Bab 4 Kependudukan, Guna Tenaga dan Pembangunan Tenaga Manusia." Dicapai pada 23 Disember 2003 melalui <http://www.ids.org.my/>
- Kerajaan Malaysia (2001). "Rancangan Malaysia Ke Lapan (2001-2005)." Dicapai pada 2 September 2003 melalui <http://www.ids.org.my/>
- Latif Bin Ahmad (2002). "Ucapan Yb Dr. Latif Bin Ahmad, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Sempena Seminar JTR Bersama Komuniti Pada 17 Mei 2002." Dicapai pada 25 Oktober melalui <http://www1.jaring.my/ksm/spm.htm>
- McDonald, R., & Hayton, G. (1998). "Evaluation of Vocational Education And Training." Readings in Australian Vocational Education And Training Research. NCVET, Adelaide.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Nazlein Nawawi (2002). "Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Makmal: Satu Tinjauan Di Politeknik Kota Bharu." Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- PM Dr. Mahathir Mohamad (2001). "Usul Mengenai Rancangan Malaysia Ke Lapan Yang Dibentangkan Oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Di Dewan Rakyat." Dicapai pada 3 September 2003 melalui <http://www.jtr.gov.my/usulRM8.htm>
- Robert K. Yin (1994). "Case Study Research: Design And Methods." Second Edition. SAGE Publications.
- Ryan, P (ed) (1991). "International Comparisons of Vocational Education And Training For Intermediate Skills." Falmer, London.
- Sharan B. Merriam (1998). "Qualitative Research And Case Study Applications In Education." Revised And Expanded From Case Study Research In Education. Jossey-Bass Publishers.
- Storge, A (1994). "The Reform of Technical Education And Training In Great Britain: A Comparisons of Institutional Learning In Europe." *European Journal of Vocational Education*, vol. 3 (no. 94). CEDEFOP.



Nazlein Nawawi (2002). "Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Makmal: Satu Tinjauan Di Politeknik Kota Bharu." Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

PM Dr. Mahathir Mohamad (2001). "Usul Mengenai Rancangan Malaysia Ke Lapan Yang Dibentangkan Oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Di Dewan Rakyat." Dicapai pada 3 September 2003 melalui <http://www.jtr.gov.my/usulRMS.htm>

Robert K. Yin (1994). "Case Study Research: Design And Methods." Second Edition. SAGE Publications.

Ryan, P (ed) (1991). "International Comparisons of Vocational Education And Training For Intermediate Skills." Falmer, London.

Sharan B. Merriam (1998). "Qualitative Research And Case Study Applications In Education." Revised And Expanded From Case Study Research In Education. Jossey-Bass Publishers.

Storge, A (1994). "The Reform of Technical Education And Training In Great Britain: A Comparisons of Institutional Learning In Europe." *European Journal of Vocational Education*, vol. 3 (no. 94). CEDEFOP.



PT TIA UTHM
PERPUS AKADEMI TUNKU AMINAH